

Warga kota idamkan Kuala Lumpur bersih

KEBERSIHAN Kuala Lumpur perlu diutamakan bagi memastikan imej ibu kota terus menjadi bandar bersih dan dikagumi. Jangan biarkan rakyat Malaysia membuat perbandingan dengan negara jiran apabila bercadang melaksanakan program kebersihan.

Menjadikan biasaan gerai makanan tidak turus dengan sempurna dan dibuka di mana-mana kawasan lapang tidak di tepi jalan, tanah keratan atau di bawah grid elektrik.

Biasanya gerai ini mendapat bekalan elektrik dan air yang disediakan pihak berkuasa. Ada juga yang mendapat lesen bagi memas-

tikan perniagaan sah.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) perlu memastikan gerai makanan ditanah milik kerajaan terutama di bawah grid elektrik dirobohkan segera. DBKL sepatutnya mengadakan standard gerai bersih untuk setiap peniaga makanan.

Peniaga patut digalak beralih ke lot kedai. Pada jangka panjang, DBKL perlu membina lebih banyak medan selera termasuk di kawasan perumahan. DBKL juga boleh mewajibkan pemaju perumahan mengadakan medan selera di setiap projek dibangunkan.

Di sepanjang jalan atau di pokok pula kita lihat pelbagai poster sama ada bercetak

kemas atau tulisan tangan yang menjadi pemandangan lazim. Pada hujung minggu, di beberapa persimpangan dipacakkan kad arah tuju majlis perkahwinan.

DBKL kadangkala membuat rondaan dan menanggalkan poster berkenaan. Tindakan ini memang baik tetapi perlu dilakukan berterusan. DBKL mesti mengambil tindakan undang-undang terhadap pemilik poster haram.

Tindakan undang-undang menjadi pengajaran supaya kegiatan tampil poster dapat dihapuskan.

DBKL juga disaran menswastakan penyediaan papan iklan elektronik dan sesiapa saja boleh mengiklankan de-

ngan sedikit bayaran.

Bangunan lama pula kelihatan lebih lusuh disebabkan cat sudah lama akibat kurang penyelenggaraan. Ubah suai rumah dilaksanakan sewenang-wenangnya dan sisa bahan ubah suai di letakkan di tepi jalan sebelum diambil kontraktor.

Bagi memastikan bangunan lebih ceria dan sedap mata memandang, DBKL sepatutnya menetapkan bangunan dicat secara berkala. DBKL disaran mengenakan denda jika cat bangunan kelihatan lusuh. Dengan peraturan ini, DBKL boleh menerapkan budaya bersih di kalangan penghuni atau pengurus bangunan.

Saya pasti DBKL mempu-

nya peruntukan, aktif atau pegawai yang bertemu yang fungsinya merupakan semua kesalahan dikenakan tindakan dan kekotoran dapat dielakkan.

DBKL perlu lebih kerap turun padang untuk melihat kesalahan dan melaksanakan penguatkuasaan sewajarnya.

Sebagai pembayar cukai, semua penghuni ingin melihat DBKL yang berkesan dalam melaksanakan tanggungjawab dengan lebih cekap. Penghuni Kuala Lumpur memang sudah lama menunggu sebuah bandar raya bersih.

ISMAIL,
Kuala Lumpur.